

30 JUL 2003

Karnival-Interaksi

KARNIVAL PUTRAJAYA PUPUK INTERAKSI PENDUDUK SAMBIL BERHIBUR

PUTRAJAYA, 30 Julai (Bernama) -- Karnival Putrajaya 2003 yang akan diadakan secara besar-besaran selama dua hari mulai Sabtu ini diharap dapat membantu memupuk interaksi sesama penduduk di samping memberi hiburan kepada mereka.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Senator Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor berkata karnival itu juga bertujuan memperkenalkan Putrajaya sebagai Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan yang baru secara lebih meluas.

"Kita akan mengadakan pelbagai acara yang diharap dapat mengeratkan hubungan sesama penduduk termasuk dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi memandangkan kedua-dua pemimpin itu turut tinggal di sini," katanya dalam taklimat ringkas mengenai acara tajaan bersama TV3 itu.

Abdullah dijadual merasmikan karnival itu di Presint 8 di sini, manakala Dr Mahathir akan menutupnya pada Ahad malam yang menjadi acara kemuncak karnival.

Tengku Adnan berkata acara itu juga bertujuan memeriahkan sambutan Bulan Kemerdekaan di samping perbarisan sambutan Hari Kemerdekaan yang akan diadakan di Putrajaya.

Lebih 100,000 pengunjung dijangka menghadiri karnival itu termasuk penduduk sekitar Putrajaya.

Dalam perkembangan lain, Tengku Adnan berkata pembinaan terowong khas bertujuan mengalirkan air hujan ke kawasan tadahan bagi mengelakkan banjir kilat di Kuala Lumpur dan kawasan sekitarnya, kini berjalan lancar.

"Pada masa ini Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan kerajaan Selangor sedang memindahkan hampir 2,000 penduduk setinggian di beberapa perkampungan terlibat termasuk di Jalan Klang Lama dan sekitar Sungai Besi bagi melaksanakan kerja-kerja pembinaan terowong itu," katanya.

-- BERNAMA

SHI MAM ROS